

PEMBANGUNAN MODUL BELAJAR-CARA-BELAJAR BAHASA MELAYU KOMUNIKASI

(*Development of A Module on Learning How-To-Learn Bahasa Melayu Komunikasi*)

SHARALA SUBRAMANIAM*

Universiti Taylor's Kampus Malaysia
sharala.subramaniam@taylors.edu.my

ZAMRI MAHAMOD

Universiti Kebangsaan Malaysia
d-zam@ukm.edu.my

Dihantar pada:

16 Jun 2017

Diterima pada:

23 November 2017

Koresponden:

sharala.subramaniam@taylors.edu.my

Abstrak: Bahasa Melayu menjadi bahasa utama di negara Malaysia. Mata pelajaran Bahasa Melayu Komunikasi menjadi prasyarat kepada pelajar warganegara asing untuk lulus dan dianugerahkan diploma atau ijazah dalam masa yang singkat. Dalam hal ini, pelajar asing akan menghadapi pelbagai masalah dalam menguasai kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis dalam tempoh yang ditetapkan. Antara isu yang sering dibincangkan ialah kebanyakan pelajar asing yang mengikuti kursus Bahasa Melayu Komunikasi lemah dalam menguasai kemahiran berbahasa Melayu yang dipelajari dalam tempoh masa yang singkat. Kelemahan ini secara langsung menjejaskan kelancaran pengajian dan pencapaian akademik mereka secara keseluruhannya. Tujuan kajian ini ialah mereka bentuk Modul Belajar-Cara-Belajar Bahasa Melayu Komunikasi (MBCB BMK). Kajian ini memperjelaskan tentang langkah-langkah yang dilaksanakan untuk membangun MBCB BMK yang bertujuan untuk membantu memudahkan pelajar warganegara asing mempelajari Bahasa Melayu Komunikasi dan untuk melihat kebolegunaan MBCB BMK dari segi antara muka, gambar, teks, isi kandungan, pendekatan pedagogi dan hubungan dengan teori pembelajaran. Dapatan kajian yang menunjukkan penggunaan MBCB BMK untuk mata pelajaran Bahasa Melayu Komunikasi menjadi satu alternatif kaedah pengajaran yang perlu dipertimbangkan oleh pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Penggunaan MBCB BMK ini memberikan peluang kepada guru untuk menghasilkan pelbagai teknik pengajaran yang mereka miliki. Kajian ini telah berjaya membangun MBCB BMK kepada pelajar warganegara asing di Institusi Pengajian Tinggi.

Kata kunci: Bahasa Melayu komunikasi, belajar-cara-belajar, pelajar warganegara asing, institusi pengajian tinggi, pencapaian akademik.

Abstract: Bahasa Melayu (BM) is the main language in Malaysia country. BM become a prerequisite for international students to graduate and awarded a diploma or degree in a short time. In this case, International students will face various other problems in mastering the listening, reading, speaking and writing skills within such a short period. Among those often discussed are that a majority of the international students taking BM courses in universities face various problems and are weak in acquiring the language skills taught to them within such a short period. This weakness directly affects their studies and academic achievement as a whole. Thus, this research aims to develop module on Learning How-To-Learn Bahasa Melayu Komunikasi for international students and to see usability of the module in terms of interface, graphics, text, content, pedagogical approaches and the relation with learning theories. The findings indicate the use of module on Learning How-To-Learn Bahasa Melayu Komunikasi be an alternative teaching methods that need to be considered by the Institutions of Higher Education. Use of module on Learning How-To-Learn Bahasa Melayu Komunikasi provides an opportunity for teachers to produce a variety of teaching techniques. This study can be viewed language learning strategies used by international students studying Bahasa Melayu Komunikasi. The study also successfully analyze requirements and design the module on Learning How-To-Learn Bahasa Melayu Komunikasi based teaching methods to the achievement of Bahasa Melayu Komunikasi.

Keywords: Malay language communication, learning how-to-learn, international students, higher education, academic achievement.

PENGENALAN

Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) diperkenalkan yang bertujuan penambahbaikan struktur Mata Pelajaran Wajib (MPW) dan mempertingkatkan kualiti modal insan sejajar dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2020 (KPT 2004). Berdasarkan struktur MPU ini, dapat melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuanan Malaysia serta dapat menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi pasaran kerja. MPU telah diperkenalkan sebab ketiadaan keseragaman pengajaran mata pelajaran kursus wajib antara Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Terdapat juga pelajar-pelajar bukan warga-negara juga telah meluahkan hasrat mereka untuk mempelajari daripada pengalaman Malaysia membangun negara ini hingga menjadi harmoni, stabil dan maju dan juga kurikulum MPW sedia ada telah digunakan semenjak tahun 1996. Maka, sudah tiba masanya untuk diubah. Berikutan daripada itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menubuhkan pasukan penyelidik untuk menstrukturkan semula MPW.

Untuk itu, pengkaji telah menjalankan kajian berbentuk pemerhatian dan kumpulan berfokus untuk mendapatkan pandangan awal tentang status pelaksanaan MPW. Hasil kajian, satu struktur MPW yang baharu telah diperkenalkan yang dikenali sebagai MPU.

Matlamat utama mata pelajaran ini adalah untuk memahami, mengaplikasikan pengetahuan dalam bentuk pembacaan, penulisan serta percakapan dan juga untuk membantu pelajar asing menjalani kehidupan seharian dengan mudah di Malaysia. Membolehkan pelajar menulis karangan pendek berkaitan kehidupan seharian.

Hasil pembelajaran ini menunjukkan bahawa kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis sangat penting dan perlu ditekankan dalam proses pembelajaran dan pmdah cara (PdPc) di dalam bilik darjah. Proses PdPc yang betul akan membantu pelajar asing untuk mencapai keputusan yang cemerlang. Pencapaian pelajar asing yang datang dari luar negara merupakan aspek yang sangat penting dalam proses pembelajaran mereka.

Jadi Modul Belajar-Cara-Belajar Bahasa Melayu Komunikasi (MBCB BMK) perlu dibangunkan. Modul yang dibangunkan boleh

menjadi pemangkin dan pencetus idea semasa proses PdPc. Hal ini juga disetujui oleh Oxford (2002), yang mengatakan bahawa kaedah sebegini mampu mengubah PdPc bahasa. Menurut Kamarul Shukri dan Mohamed Amin (2010), pembangunan modul sebegini penting kerana dapat mewujudkan keyakinan kepada guru. Dalam hal ini, Modul Belajar-Cara-Belajar Bahasa Melayu (Zamri et. al., 2012) telah direka bentuk bagi membantu pelajar asing yang mempelajari Bahasa Melayu.

PERNYATAAN MASALAH

Subjek Bahasa Melayu yang diwajibkan ini menjadi prasyarat untuk dianugerahkan sijil, diploma dan ijazah. Secara tidak langsung prasyarat ini akan membebankan dan menyukarkan pelajar warganegara asing diwajibkan mengambil dan mempelajari subjek Bahasa Melayu Komunikasi dalam satu semester, iaitu sepuluh minggu yang dianggap sebagai masa yang singkat untuk mereka mempelajari dan lulus dalam subjeknya. Hal ini menunjukkan bahawa MBCB BMK akan membantu pelajar warganegara asing untuk menguasai Bahasa Melayu dengan mudah dan cepat.

Kebanyakan pelajar warganegara asing yang mempelajari Bahasa Melayu di IPT menghadapi pelbagai masalah dalam menguasai kemahiran berbahasa Melayu dalam tempoh yang ditetapkan. Menurut Fa'izah et al. (2009a) dalam kajiannya mendapati bahawa daripada sejumlah 926 pelajar warganegara asing dari tahun 2005 hingga 2009, 365 orang (31.2%) daripadanya berada dalam kategori lemah dan gagal. Pelajar-pelajar warganegara asing ini masih belum menguasai kemahiran berbahasa Melayu dengan baik.

Kajian yang dijalankan oleh Juriah (2001; 2003), dan Marzalina (2005) pula menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar warganegara asing tidak dapat menguasai kemahiran berbahasa (mendengar, bertutur, membaca dan menulis) dengan sepenuhnya. Dapatan kajian-kajian ini secara jelas menjelaskan bahawa pelajar warganegara asing yang mempelajari Bahasa Melayu di kebanyakan IPT masih belum dapat memahami dan menguasai kemahiran berbahasa Melayu dengan sebaiknya.

Menurut Asmah (2003); Awang Sariyan (2006); Fa'izah et al. (2009a); Kalthum (2003); Maimunah dan Norizah (2003) kelemahan dan

kegagalan tersebut adalah disebabkan oleh pengajaran Bahasa Melayu kepada pelajar asing masih lagi menggunakan kaedah tradisional yang berpusatkan guru. Hal ini kerana kekurangan modul yang dikhaskan kepada pelajar warganegara asing untuk mempelajari Bahasa Melayu Komunikasi dengan tidak dan hanya mengharap pada guru yang mengajar.

Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang sukar dikuasai jika pelajar yang mempelajarinya tidak mempunyai minat, kurang yakin, tiada kemahuan serta motivasi terhadap bahasa tersebut. Terdapat beberapa pengkaji dan pengajar Bahasa Melayu di dalam dan luar negara juga pernah menjelaskan tentang hal ini (rujuk Dilah 2005; Indrawati 2005; Jyh Wee Sew 2005; Metzger 2009; Pogadev 2005; Rohaidah 2005). Hal ini menunjukkan bahawa faktor kesukaran terhadap pembelajaran bahasa pelajar warganegara asing dengan memberikan kesan. Dalam hal ini MBCB BMK dianggap amat penting.

MBCB BMK amat diperlukan bagi membantu pelajar asing yang mempelajari Bahasa Melayu Komunikasi di IPT Swasta (IPTs) dengan lebih cepat, mudah dan berkesan. Hal ini kerana menurut Raminah (2005a; 2005b) dan Yahya (2005), kecemerlangan pelajar warganegara asing bergantung kepada pendekatan dan perancangan pengajaran yang digunakan. Oleh itu, satu modul yang terancang boleh menjadikan pembelajaran bahasa Melayu lebih efektif, dinamik dan menarik. Kajian ini amat penting untuk pembangunan dan penilaian MBCB BMK kepada pelajar warganegara asing.

Menurut Cohen (1999); Macaro (2001); Mohamed Amin (2000); O'Malley dan Chamot (1990); Oxford (1990), pelajar yang mempelajari bahasa asing atau bahasa kedua dapat menguasai bahasa yang dipelajarinya dengan kaedah Belajar-Cara-Belajar yang mampu menjadikan pembelajaran bahasa lebih efektif. Dalam hal ini, guru memainkan peranan penting dengan membimbing pelajar warganegara asing dengan menggunakan modul untuk mewujudkan pelajar warganegara asing yang cemerlang. Hal ini kerana, dapatan yang diperolehi akan dapat digunakan untuk menghasilkan modul yang sama dan diedarkan kepada semua IPTs untuk dijadikan buku panduan dalam proses PdPc.

SOALAN KAJIAN

Soalan kajian ditentukan berdasarkan tujuan dan objektif kajian yang telah dirumuskan. Kajian ini untuk mengkaji:

1. Bagaimanakah MBCB BMK bagi pelajar warganegara asing dapat dibangunkan?
2. Sejauh manakah kebolegunaan MBCB BMK dari segi antara muka, gambar, teks, isi kandungan, pendekatan pedagogi dan hubungan dengan teori pembelajaran?

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Menurut Hanaffin dan Peck (1998), teori dan reka bentuk pengajaran bergantung pada langkah dalam menghasilkan bahan pengajaran yang berkesan dan langkah tersebut meliputi tiga fasa, iaitu fasa perancangan, pembangunan dan fasa pengujian. Antara model reka bentuk pengajaran yang dirujuk dalam kajian ini ialah Model ADDIE.

Model ADDIE merangkumi lima fasa iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pelaksanaan dan fasa penilaian. Hasil kajian Johari, Nor Hasniza dan Mohamad Yusof (2006), menyatakan bahawa modul yang dibangunkan oleh mereka dengan menggunakan model ADDIE berjaya memberi impak yang positif sebagai alat pembelajaran tambahan.

Sampel Kajian

Sampel kajian dipilih ialah kaedah 'purposive sampling' yang terdiri daripada pelajar warganegara asing berjumlah 250 orang di sebuah IPT di negeri Selangor. Populasi kajian melibatkan semua pelajar asing yang sudah mengikuti kursus Bahasa Melayu Komunikasi sekurang-kurangnya satu semester di sebuah IPT di negeri Selangor.

Pemilihan lokasi kajian adalah berdasarkan beberapa kriteria seperti yang dinyatakan oleh Marshall dan Rossman (1995) dan juga Spradley (1980), iaitu mendapat kebenaran dan kerjasama daripada pihak kolej, hubungan yang erat di antara pengkaji dengan responden kajian, mempunyai situasi yang kaya dengan maklumat kajian, data kajian yang diperolehi adalah terjamin kualiti dan juga bersesuaian dengan tempoh dan kos kajian.

Sampel kajian terdiri daripada pelajar asing daripada pelbagai negara seperti Nigeria, Iran,

China, Iraq dan Libya. Sampel kajian ini dipilih sebagai wakil populasi pelajar asing yang mempelajari Bahasa Melayu Komunikasi di IPTS terpilih.

Instrumen Kajian

Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan instrumen soal selidik bagi mendapatkan data. Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan instrumen soal selidik bagi mendapatkan data. Soal selidik mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A tentang demografi pelajar, dan Bahagian B berkaitan penggunaan strategi pembelajaran bahasa (SPB).

Soal selidik dalam Bahagian A terdiri daripada soalan demografi berkaitan dengan jantina, gred Bahasa Melayu, umur, negara, fakulti, pengkhususan, tahun pengajian dan bahasa ibunda. Soal selidik Bahagian B mengandungi pernyataan tentang penggunaan SPB yang digunakan pelajar semasa belajar Bahasa Melayu yang diubah suai daripada Inventori Penggunaan SPB yang dibina oleh Cohen, Oxford dan Chi (2005).

Kesemua item dan arahan dalam instrumen menggunakan dwibahasa, iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris untuk memudahkan pelajar asing menjawab setiap pernyataan yang dikemukakan. Menurut Sakaran (2003), soalan-soalan yang terdapat dalam soal selidik yang akan menentukan kualiti soal selidik itu.


Oleh kerana pengkaji ingin melihat strategi yang kerap kali digunakan oleh pelajar asing berdasarkan kemahiran mendengar, membaca, bertutur dan menulis dapat dinilai dengan menggunakan skala Likert Oleh itu, pengkaji menggunakan skala Likert lima mata untuk melihat sejauh mana pelajar asing bersetuju dengan pernyataan tertentu.

Jadual 1: Skor dan pemeringkatan skala Likert

Skor	Pemeringkatan	Simbol
1	Tidak Benar Sama Sekali	TBSS
2	Biasanya Tidak Benar	BTB
3	Kadang Kala Benar	KKB
4	Biasanya Benar	BB
5	Sentiasa Benar	SB

Penganalisis Data

Pengkaji telah memastikan reka bentuk tersusun dan menepati perincian seperti mengumpul bahan, membina latihan, menyediakan gambar-gambar yang bersesuaian bagi memudahkan pelajar asing. Secara keseluruhan, kerangka dalam Rajah 1 dibina dalam bentuk kitaran lima fasa bagi menghubungkan antara satu sama lain. Proses setiap fasa boleh diulang semula sekiranya modul yang dibangunkan kurang menepati objektif yang ditetapkan.



Rajah 1: Kerangka konseptual membangun dan menilai MBCB BMK
Diubah suai daripada Model ADDIE
(Zamri et al. 2009).

DAPATAN KAJIAN

Bagi pembangunan MCBM BMK melibatkan tiga (3) orang pakar bahasa, 10 orang guru dan 250 orang pelajar warganegara asing. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan penilaian formatif mengikut model pembangunan ADDIE.

Kesahan Instrumen kajian

Kesahan instrumen kajian dibuat melalui perbincangan bersama penyelia dan kumpulan pakar subjek yang dipilih. Soal selidik yang dibina telah diuji kesahannya melalui kesahan kandungan dan kesahan muka. Kesahan kandungan merujuk sama ada kandungan pemboleh ubah yang nyata adalah tepat mengukur konsep pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Komunikasi dengan menggunakan MCBM BMK yang ingin diukur (Muijs, 2004)

Fasa pembangunan menjelaskan tentang modul yang telah dibangunkan diserahkan kepada tiga orang pakar bidang bahasa untuk mendapatkan pengesahan. Dalam kajian ini proses kesahan dilakukan bagi memantapkan lagi isi kandungan, laras bahasa serta kejelasan maksud item-item dalam instrumen. Selain itu, kesahan sesuatu instrumen kajian boleh diukur melalui hubungan jumlah skor dengan skor setiap item berkenaan dan juga nilai korelasi item yang diperbetulkan dengan jumlah skor. Nilai koefisien yang minimum dan sering diguna pakai ialah 0.30 (Nunally 1978; Abu Zahari 1988).

Kebolehpercayaan pula ialah darjah kestabilan dan konsisten skor yang diperolehi apabila menggunakan sesuatu instrumen (Creswell, 2008). Ia merujuk sejauh mana pengukuran yang dapat diwakili aspek kandungan yang diukur. Sesuatu ujian atau instrumen itu dikatakan mempunyai kesahan kandungan yang tinggi sekiranya alat tersebut dapat mengukur semua isi serta kandungan bidang yang dikaji dengan berkesan (Mohd Majid 2000; Wiersma 2000). Pengkaji menilai kesahan kandungan dengan menguji perancangan dan prosedur yang digunakan dalam membina instrumen. Kumpulan pakar telah menyemak semua item yang telah diubah suai mengikut kehendak kajian.

Pengkaji telah melantik tiga orang pakar dari kalangan pensyarah Bahasa Melayu Komunikasi. Pakar bahasa ini bertanggungjawab menyemak

semua item yang telah dibina oleh pengkaji bagi mengenal pasti jika terdapat kesalahan dari segi susunan ayat dan tatabahasa.

Secara keseluruhan, mereka memperakui bahawa item-item yang terdapat dalam instrumen mampu mengukur aspek kandungan yang hendak diukur. Pandangan dan cadangan pakar-pakar ini telah diambil kira bagi memperbaiki draf pertama. Pakar yang dilantik untuk menguji validasi kajian ini adalah seramai tiga (3) orang.

Setelah mendapat pengesahan daripada pakar-pakar bidang, pengkaji menambah baik modul dan menyediakan draf protaip modul. Draft pertama yang telah siap dibina kepada fasa yang seterusnya, iaitu fasa pelaksanaan.

Pelaksanaan

Penyelidikan dalam fasa ini melibatkan aktiviti bersama guru dan pelajar warganegara asing. Seramai 10 orang guru yang mengajar Bahasa Melayu Komunikasi dipilih. Selain guru, seramai 250 orang pelajar warganegara asing juga dipilih untuk mendapatkan data tentang kebolegunaan modul.

Langkah awal adalah mendapatkan izin dari pihak Kolej Islam Antarabangsa. Melalui sebuah surat rasmi memohon kebenaran untuk melaksanakan kajian. Setelah mendapat kebenaran dari pihak kolej, kajian eksperimen mula dijalankan. Pihak kolej memberi sokongan penuh untuk pelaksanaan kajian ini, kerana pihak kolej mempercayai bahawa pelaksanaan kajian ini akan memberikan corak baharu dalam kegiatan PdPc Bahasa Melayu Komunikasi. Dengan bantuan pihak kolej, pengkaji merancang suatu bengkel latihan pengajaran strategi pembelajaran bahasa (PSPB) dan penilaian kesesuaian Draft 1.

Pelaksanaan bengkel latihan untuk MCBM BMK diikuti oleh 10 orang guru. Pada kegiatan ini, hal yang paling utama yang didedahkan adalah bagaimana proses kegiatan PdPc dengan menggunakan MCBM BMK, bagaimana mengendalikan kumpulan dalam kegiatan pembelajaran serta membincangkan hal-hal yang masih kurang difahami oleh guru.

Seperti telah dihuraikan sebelumnya, kajian ini dijalankan di Kolej Islam Antarabangsa. Di kolej terdapat kumpulan rawatan dan dua kumpulan kawalan. Pelajar di kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan diajar oleh guru yang

sama. Bagi memastikan wujud keseragaman dalam setiap kumpulan yang terlibat, pengkaji menyediakan rancangan persediaan mengajar. Setelah kegiatan pelatihan dilaksanakan langkah berikutnya adalah pelaksanaan ujian pra. Instrumen ujian pra ini dilaksanakan oleh guru setelah mendapat arahan daripada pengkaji.

Langkah yang berikutnya pada kajian ini adalah pelaksanaan eksperimen, iaitu pengajaran Bahasa Melayu komunikasi dengan menggunakan MBCB BMK selama 10 minggu. Kegiatan pembelajaran dengan menggunakan MBCB BMK terdiri daripada tiga fasa, iaitu: fasa pembukaan, fasa kegiatan inti dan fasa kegiatan penutup.

Fasa kegiatan pembukaan terdiri daripada:

- i. Salam
- ii. Mengambil kehadiran pelajar
- iii. Mengulang kembali pelajaran yang lalu

Fasa kegiatan inti terdiri daripada:

- i. Mengenal pasti MBCB BMK
- ii. Pelajar duduk dalam kumpulan yang terdiri daripada tiga orang.
- iii. Mula menggunakan MBCB BMK
- iv. Menyemak semua bab yang terdapat dalam MBCB BMK
- v. Membuat latihan-latihan yang terdapat dalam MBCB BMK.
- vi. Mendengar audio yang disediakan.

Fasa penutup pembelajaran terdiri daripada:

- i. Pelajar bersama guru membuat kesimpulan
- ii. Refleksi seluruh kegiatan
- iii. Memberi maklum balas.

Selama tempoh pelaksanaan eksperimen, pengkaji juga melakukan perbincangan dengan guru-guru bagi memastikan pelaksanaan eksperimen berjalan seperti yang dirancang. Sesi perbincangan diadakan sekali atau dua kali dalam setiap bulan. Kegiatan ujian pasca dilaksanakan setelah tamat tempoh pembelajaran selama 10 minggu. Ujian pasca pada kajian ini dilaksanakan oleh guru.

Instrumen yang digunakan untuk ujian pasca tes adalah instrumen yang sama dengan instrument ujian pra. Setelah bengkel latihan selesai dijalankan, MBCB BMK dibaiki sekali lagi dengan mengambil kira keperluan pelajar dan guru untuk menyediakan draf yang kedua. Drafter kedua diberikan sekali lagi kepada pakar bahasa, guru

dan pelajar warganegara asing untuk disemak sebelum mengeluarkan draf yang ketiga yang akan dimurnikan untuk menjadikan MBCB BMK, iaitu draf yang terakhir.

Penilaian

Penilaian formatif dengan melibatkan tiga orang pakar, 10-orang guru dan 250 orang pelajar warganegara asing. Penilaian ini dijalankan oleh pengkaji pada bulan Julai 2015. Terdapat tujuh aspek yang dinilai tentang MBCB BMK, iaitu antara muka, gambar, teks, isi kandungan dan hubungan dengan teori pembelajaran.

Jadual 2: Penilaian Formatif Pakar Bahasa, Guru dan pelajar warganegara asing Terhadap Aspek Hubungan dengan Teori Pembelajaran dalam MBCB BMK

	Pakar Bahasa	Guru Bahasa	Pelajar Warga-negara asing
• Antara muka	83.3%	30%	52%
• Gambar	75.0%	66%	66%
• Teks	100%	60%	72%
• Isi kandungan	66.7%	70%	70%
• Pendekatan pedagogi PdPc	100%	70%	69.2%
• Hubungan dengan teori pembelajaran	100%	80%	73.6%

Sebanyak (83.3%) bersetuju terhadap muka MBCB BMK yang dihasilkan oleh pakar Bahasa. Cadangan yang diberikan seperti pembangunan gambar yang dihasilkan dalam modul supaya lebih menarik lagi sehingga dapat menarik minat pelajar untuk membaca.

Bagi item teks yang digunakan kelihatan dengan jelas dan mudah dibaca, seramai tiga orang (100%) pakar menyatakan setuju. Bagi item isi kandungan membantu pelajar mengenal pasti keperluan menggunakan MBCB BMK, seramai dua orang (66.7%) pakar memperakukan setuju. Bahagian pendekatan pedagogi proses PdPc dan hubungan dengan teori pembelajaran adalah mencetuskan minat pelajar untuk mempelajari isi kandungan, terdapat seramai tiga orang (100%) pakar memperakukan setuju dan secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa pakar bersetuju terhadap pendekatan pedagogi proses

PdPc pelajar yang dihasilkan. Bagi aspek antara muka depan yang menarik seramai tiga orang (30%) guru yang memperakukan sangat setuju dan seramai tujuh orang (70%) guru memperakukan setuju. Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa guru memperakukan setuju dan sangat setuju terhadap penilaian antara muka MBCB BMK.

Bagi item gambar yang digunakan adalah mencukupi seramai tujuh orang (70%) guru memperakukan sangat setuju dan seramai tiga orang (30%) guru memperakukan setuju. Secara keseluruhan menunjukkan bahawa guru mempunyai penilaian yang positif bagi item dalam bahagian gambar dalam MBCB BMK. Bagi item teks yang digunakan kelihatan dengan jelas dan mudah dibaca, seramai tiga orang (60%) guru menyatakan sangat setuju dan seramai empat orang (40%) guru memperakukan setuju. Secara keseluruhan menunjukkan bahawa tiada guru yang memperakukan tidak setuju dan sangat tidak setuju terhadap item dalam aspek teks dalam MBCB BMK dan guru juga tidak memberikan sebarang cadangan bagi aspek teks dalam MBCB BMK.

Bagi item isi kandungan mudah untuk diikuti, seramai tujuh orang (70%) guru memperakukan setuju dan seramai tiga orang (30%) guru memperakukan sangat setuju. Bahagian pendekatan pedagogi proses PdPc pula, item yang pertama ialah mencetuskan minat pelajar untuk mempelajari isi kandungan, terdapat seramai tiga orang (30%) guru memperakukan setuju dan seramai tujuh orang (70%) memperakukan sangat setuju. Pecahan yang terakhir ialah penilaian formatif guru terhadap aspek hubungan dengan teori pembelajaran. Item objektif pembelajaran ada dinyatakan, seramai dua orang (20%) guru memperakukan setuju dan seramai lapan orang (80%) guru memperakukan sangat setuju. Secara keseluruhan menunjukkan bahawa guru yang bersetuju terhadap aspek hubungan dengan teori pembelajaran dalam MBCB BMK.

Pelajar memperakukan sangat setuju terhadap penilaian antara muka MBCB BMK. bagi item gambar yang digunakan adalah mencukupi seramai 130 orang (52.0%) pelajar memperakukan sangat setuju dan seramai 110 orang (44.0%) pelajar memperakukan setuju dan seramai 10 orang (4.0%) pelajar memperakukan kurang setuju. Bagi item gambar yang digunakan berkaitan dengan isi pelajaran, seramai 165 orang

(66.0%) pelajar memperakukan sangat setuju dan seramai 85 orang (34.0%) pelajar memperakukan setuju. Secara keseluruhan menunjukkan bahawa pelajar memperakukan setuju dan sangat setuju terhadap item dalam gambar dalam MBCB BMK.

Sungguhpun begitu, terdapat sebilangan pelajar yang memperakukan kurang setuju bahawa gambar yang digunakan adalah mencukupi. Bagi item teks yang digunakan kelihatan dengan jelas dan mudah dibaca, seramai 180 orang (72.0%) pelajar menyatakan sangat setuju dan seramai 70 orang (28.0%) pelajar memperakukan setuju. Secara keseluruhan menunjukkan bahawa pelajar mempunyai penilaian setuju dan sangat setuju untuk setiap item dalam aspek MBCB BMK. bagi item isi kandungan mudah untuk diikuti, seramai 175 orang (70.0%) pelajar memperakukan sangat setuju dan seramai 75 orang (30.0%) pelajar memperakukan setuju.

Bagi item pendekatan pedagogi proses pengajaran dan pembelajaran ialah mencetuskan minat pelajar untuk mempelajari isi kandungan, terdapat seramai 77 orang (30.8%) pelajar memperakukan setuju dan seramai 173 orang (69.2%) memperakukan sangat setuju. Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa pelajar bersetuju terhadap pendekatan pedagogi proses PdPc yang dihasilkan dalam MBCB BMK. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar juga memberikan skor penilaian yang tinggi bagi setiap aspek dalam penilaian MBCB BMK.

Pecahan yang terakhir ialah penilaian formatif pelajar terhadap aspek hubungan dengan teori pembelajaran. Item objektif pembelajaran ada dinyatakan, seramai 66 orang (26.4%) pelajar memperakukan setuju dan seramai 184 orang (73.6%) pelajar memperakukan sangat setuju. Secara keseluruhan menunjukkan bahawa pelajar yang bersetuju terhadap aspek hubungan dengan teori pembelajaran dalam MBCB BMK. Penilaian ini menunjukkan bahawa skor penilaian oleh pelajar secara keseluruhannya menunjukkan mereka bersetuju terhadap MBCB BMK dan tiada cadangan yang diberikan oleh pelajar bagi penambahbaikan untuk kesempurnaan MBCB BMK.

PERBINCANGAN

Perbincangan MBCB BMK bagi Pelajar Warganegara Asing Dapat Dibangunkan

i. Pembangunan MBCB BMK

Fasa reka bentuk dan pembangunan MBCB BMK di bincangkan berdasarkan Model ADDIE yang dipilih kerana bersesuaian dengan MBCB BMK bagi membantu pelajar warganegara asing mempelajari subjek Bahasa Melayu Komunikasi dengan mudah. MBCB BMK ini telah berjaya memuatkan teori-teori pembelajaran, SPB yang sesuai serta penerapan maklumat yang dapat mencapai objektif pembelajaran. Fasa reka bentuk digunakan untuk reka bentuk struktur, pendekatan pengajaran dan teori pembelajaran. Selain itu, aktiviti pembelajaran dan latihan juga telah disediakan.

Modul yang dibangunkan disediakan dengan arahan supaya tidak menghadapi masalah semasa menggunakan. Latihan yang dihasilkan juga bersesuaian dengan pelajar warganegara asing kerana MBCB BMK ini di hasilkan dengan mengikut sukatan pelajaran Bahasa Melayu Komunikasi yang di sediakan oleh MQA. MBCB BMK dilengkapi dengan langkah-langkah yang mudah difahami oleh pelajar dan guru. Selain itu pelajar warganegara asing juga dapat menggunakan pengetahuan yang sedia ada dalam mengaplikasikan MBCB BMK sehingga lebih mudah digunakan dalam proses PdPc. Hal ini juga dipersetujui oleh John Bransford (1999) yang memperakukan proses PdPc akan berjalan dengan lancar apabila mempunyai bahan pelajaran yang baru bersesuaian dengan sukatan pelajaran pelajar.

MBCB BMK menjadi menarik di sebabkan oleh penyediaan warna, teks dan gambar dalam persembahan maklumat. Muka hadapan MBCB BMK dilengkapi dengan warna dan tulisan yang menarik bagi meningkatkan minat pelajar warganegara asing untuk menggunakan MBCB BMK. Langkah-langkah yang terdapat dalam modul ini juga mudah diikuti dan ringkas. Pakar, guru dan pelajar telah memberikan masing-masing penilaian, iaitu penilaian formatif.

Penilaian formatif ini menunjukkan bahawa pakar, guru dan pelajar berpuas hati terhadap MBCB BMK yang telah dihasilkan. Menurut Zamri (2015), bahan pengajaran disusun dengan

topik-topik pengajaran dan pembelajaran dari sederhana ke yang lebih kompleks. Hal ini telah diambil kira dalam MBCB BMK dengan menyusun MBCB BMK berdasarkan cadangan yang diberi oleh pakar untuk tujuan menghasilkan perisian yang lebih tersusun dan efektif.

Rumusannya, pembangunan modul berasaskan sukatan pelajaran MQA dengan empat kemahiran berbahasa sangat sesuai untuk menjadi aktiviti pembelajaran dalam penyampaian mata pelajaran Bahasa Melayu Komunikasi kerana isi menepati kriteria yang mampu meningkatkan dan memudahkan pelajar warganegara asing mempelajari Bahasa Melayu Komunikasi. Kemahiran berbahasa yang terdapat dalam MBCB BMK ini mampu membina pengetahuan dan kefahaman pelajar warganegara asing.

ii. Penilaian MBCB BMK

Menurut Morrison et al. (2011) cadangan pakar sangat penting bagi memastikan isi kandungan modul meliputi bidang yang dikaji. Hal ini juga dipersetujui oleh Rashidah (2013) dengan menyatakan bahawa proses penilaian bersama pakar dapat memberikan input penambahbaikan terhadap kualiti modul yang dibangunkan. Penilaian yang diberi oleh tiga orang pakar bahasa amat membantu pengkaji kerana mereka mempunyai pengetahuan secara teori dan praktikal untuk menambah baik modul supaya menjadi lebih efisien.

Antara aspek yang dikaji ialah antara muka, gambar, teks, isi kandungan, pendekatan pedagogi proses PdPc. Aspek-aspek yang dikaji dalam pembangunan ini dianggap penting disebabkan kesempurnaan aspek tersebut boleh membantu pelajar warganegara asing untuk mempelajari subjek Bahasa Melayu Komunikasi. Pembangunan MBCB BMK mendapati bahawa pakar, guru dan pelajar memperakukan setuju bahawa MBCB BMK yang dihasilkan layak dan boleh digunakan bagi pelajar warganegara asing.

Bagi aspek antara muka depan yang menarik sebanyak 83.3% bersetuju. Seterusnya terdapat satu ulasan yang diberikan oleh pakar berkaitan dengan penambahbaikan MBCB BMK, iaitu untuk menukar gambar pada bahagian hadapan dan menggantikan dengan gambar yang lebih menarik dan berkaitan dengan tajuk. Bagi pengguna pula seramai 140 orang (56.0%) pelajar yang

memperakukan setuju dan seramai 110 orang (44.0%) memperakukan sangat setuju untuk muka depan yang menarik. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan kesahan kandungan modul. Menurut Morrison et al. (2011), tidak semua pandangan pakar dipersetujui oleh pengguna. Jadi untuk mengatasi masalah ini penilaian modul perlu dilakukan oleh pakar dan pengguna untuk menghasilkan modul yang efisien.

Rumusannya, analisis menunjukkan kesemua penilai bersetuju dengan memberi respon setuju dan sangat setuju termasuk pelajar warganegara asing dalam penilaian ke atas kualiti modul yang dibangunkan. Pakar bahasa, guru dan pelajar warganegara asing juga telah memberi respon yang positif ke atas penilaian MBCB BMK dari segi aspek muka, gambar, teks, isi kandungan, pendekatan pedagogi proses PdPc. Hal ini menunjukkan MBCB BMK ini sesuai dibangunkan untuk pelajar warganegara asing.

Perbincangan Kebolegunaan MBCB BMK dari segi antara Muka, Gambar, Teks, Isi Kandungan, Pendekatan Pedagogi dan Hubungan dengan Teori Pembelajaran

Fasa pelaksanaan dan penilaian telah menunjukkan kebolegunaan MBCB BMK dari segi antara muka, gambar, teks, isi kandungan, pendekatan pedagogi dan hubungan dengan teori pembelajaran.

i. Perbincangan Kebolegunaan MBCB BMK dari segi Antara Muka

Antara muka merupakan muka hadapan MBCB BMK. Muka ini di hasilkan dengan gambar dan warna yang menarik minat pelajar untuk menggunakan MBCB BMK. Menurut penilaian pakar 83.3% bersetuju terhadap muka MBCB BMK yang dihasilkan dan kebanyakannya mengakui pada kategori mudah dibaca dan mudah untuk dibawa ke mana sahaja sebanyak 100%. Apabila dilihat penilaian guru 100% bersetuju terhadap muka MBCB BMK dengan kebanyakannya mengakui kategori sama seperti pakar bahasa, iaitu mudah dibaca dan mudah untuk dibawa ke mana sahaja.

Pelajar warganegara asing juga bersetuju pada antara muka dalam MBCB BMK sebanyak 100%. Hal ini menunjukkan bahawa antara muka

memainkan peranan penting dalam menarik minat pelajar untuk menggunakan modul. Menurut Baharuddin (2002), antara muka bertindak sebagai penghubung antara pengguna dengan maklumat yang ingin dicapai. Ia memudahkan pengguna mewujudkan rasa ingin tahu melalui cara dan bentuk yang merangsang pengguna untuk mendapatkan maklumat.

Rumusannya, penggunaan modul menjadi bahan pembelajaran bercetak yang dapat membantu pelajar meningkatkan pemahaman. Pemahaman pelajar dapat ditingkatkan dengan reka bentuk antara muka. Reka bentuk antara muka perlu memberi kesan kepada pelajar dengan gambaran yang jelas dan menarik. Setelah melihat penilaian daripada pakar bahasa, guru dan pelajar warganegara asing, didapati semua bersetuju MBCB BMK dapat meningkatkan pemahaman pengguna dengan antara muka yang lebih bermutu.

ii. Perbincangan Kebolegunaan MBCB BMK dari segi Gambar

Gambar-gambar yang terdapat dalam MBCB BMK ini ialah tidak diambil daripada mana-mana sumber dan pengkaji sendiri mengambil gambar-gambar yang bersesuaian dengan setiap topik yang terdapat dalam MBCB BMK. Secara keseluruhannya pakar bahasa bersetuju terhadap gambar-gambar yang terdapat MBCB BMK sebanyak 75%. Bagi kategori gambar yang digunakan adalah mencukupi mendapat penilaian yang banyak berbanding dengan kategori lain. Hal ini juga dipersetujui oleh para guru dengan memilih kategori yang sama seperti pakar bahasa.

Secara keseluruhan pakar bahasa bersetuju sebanyak 100% terhadap gambar-gambar yang terdapat dalam MBCB BMK. Pelajar warganegara asing menunjukkan minat terhadap gambar-gambar yang terdapat dalam MBCB BMK dengan menilai sebanyak 100% dan kategori yang paling banyak dipilih oleh pelajar warganegara asing ialah kesesuaian warna paparan gambar. Hal ini kerana semasa pengkaji menjalankan bengkel pelajar warganegara asing telah diedarkan dengan MBCB BMK yang berwarna.

Dapatan ini juga disokong oleh Susilana dan Riyana (2009) dengan menyatakan bahawa gambar dan warna yang menarik akan membuat pelajar rajin membaca dan apabila terdapat kesalahan mudah dibaiki. Menurut Frey dan Fisher

(2008), dalam proses PdPc bahasa, terutamanya bahasa asing peranan gambar membantu memudahkan dan mempercepatkan pemahaman pelajar dalam bahasa sasaran tersebut.

Gambar-gambar yang menarik dapat membantu pelajar mengingati setiap perkara yang terdapat dalam bahan yang dipelajarinya. Hal ini telah dibuktikan oleh Ong Eng Tek dan Ahmad Nizam (2009), keberkesanan modul gambar yang digunakan didapati minat pelajar terhadap subjek yang dipelajarinya telah meningkat. Namun, Stephen (2005), berpendapat bahawa modul yang penuh dengan gambar akan menimbulkan beban kepada pelajar semasa mempelajari.

Rumusannya, setelah meneliti semua aspek MBCB BMK yang direka dengan kualiti maklumat yang sesuai dalam setiap muka surat dan tidak dimasukkan gambar-gambar yang tidak penting dan tidak menarik. Hal ini dipersetujui juga oleh semua pakar, guru dan pelajar warganegara asing. Justeru, MBCB BMK amat sesuai untuk pelajar warganegara asing kerana mempunyai gambar yang memudahkan pelajar warganegara asing untuk mengikut dan memahami aktiviti yang terdapat dalam MBCB BMK.

iii. Perbincangan Kebolegunaan MBCB BMK dari segi Teks

Teks yang terdapat dalam MBCB BMK dihasilkan untuk tujuan mendapatkan maklumat, maklum balas yang berkenaan dengan PdPc semasa menggunakan MBCB BMK. Teks yang dihasilkan dengan menggunakan warna hitam dengan latar belakang berwarna putih. Gabungan warna putih dan teks hitam diperlukan untuk memudahkan pelajar membaca terhadap teks yang dihasilkan. Penilaian yang diberi oleh pakar bahasa untuk teks secara keseluruhannya ialah sebanyak 88.9% dan kategori yang paling banyak dipilih ialah teks yang digunakan kelihatan jelas dan mudah dibaca.

Para guru telah bersetuju terhadap teks yang terdapat dalam MBCB BMK sebanyak 100% dengan kategori yang paling banyak dipilih ialah paparan teks yang menarik perhatian dan pelajar warganegara asing juga bersetuju sebanyak 100% dan memilih kategori yang sama seperti pakar bahasa kerap kali. Keputusan ini menunjukkan bahawa teks juga perlu bersesuaian, jelas dan menarik perhatian pelajar untuk menggunakan dalam proses pembelajaran dan setiap teks dalam

MBCB BMK ini disertakan dengan gambar sekali.

Hal ini kerana menurut Mohd Sofian dan Saidah (2009) terdapat kajian yang dijalankan di beberapa buah negara menguji dua jenis bahan pengajaran, iaitu penggunaan teks bergambar dan yang tidak bergambar jadi beliau telah menyarankan bahawa kombinasi terbaik bahan pengajaran adalah dengan penggunaan teks berserta gambar-gambar sesuai seperti yang terdapat dalam MBCB BMK. Namun, hal ini tidak dipersetujui oleh Huib Tabbers et. al. (2000), yang berpendapat bahawa modul dalam bentuk gabungan teks dan gambar akan menyebabkan wujudnya beban kepada pelajar dan kemungkinan akan memberi kesan negatif kepada proses pembelajaran pelajar. Justeru, pengkaji telah memastikan teks yang terdapat dalam MBCB BMK bersesuaian dengan semua topik yang terdapat dalam modul ini.

Rumusannya, teks merupakan aspek yang penting kerana dapat memberikan penekanan terhadap maklumat yang diterima oleh pelajar. Teks dalam MBCB BMK ini diseragamkan dengan tulisan *Ariel* yang jelas. Saiz teks dibezakan untuk setiap penggunaan seperti tajuk, sub-tajuk dan sebagainya. Ini menunjukkan teks yang terdapat dalam MBCB BMK ini amat sesuai dan dipersetujui oleh pakar bahasa, guru dan juga pelajar untuk penggunaan dan proses pengajaran dan pembelajaran.

iv. Perbincangan Kebolegunaan MBCB BMK dari segi Isi kandungan

Isi kandungan merupakan antara elemen yang sangat penting dalam pembangunan sesuatu modul. Isi kandungan bagi sesuatu modul harus dipilih dengan berhati-hati supaya ia bertepatan dengan kumpulan sasaran dan seterusnya akan mencapai objektif yang telah ditetapkan sebelum ini (Johari & Noor Asmalinda, 2011). Isi kandungan bagi MBCB BMK ini diambil daripada sukatan pelajaran Bahasa Melayu Komunikasi yang telah dikeluarkan oleh MQA.

Secara keseluruhan pakar bahasa mempersetujui sebanyak 79.1% dengan memberikan beberapa cadangan yang telah digunakan untuk memperbaiki MBCB BMK. Menurut Mohamad Azhari et al. (2012), tanggungjawab seseorang pensyarah untuk menyampaikan isi kandungan adalah sangat besar

dan berat. Hal ini kerana, segelintir pelajar mengambil kursus hanya kerana kursus ini wajib kepada semua pelajar, tetapi tiada minat dan kesungguhan untuk memahami kandungan pelajaran. Dalam hal ini Guru-guru telah memberikan persetujuan sebanyak 100% dan kategori yang paling banyak dipilih ialah isi kandungan MBCB BMK disusun dengan teratur.

Dapatan ini dipersetujui oleh Ang Chai dan Lee Lay (2016) dalam kajiannya menyatakan bahawa isi kandungan yang sebaik mana sekalipun jika tidak dipersembahkan dengan teratur dan kemas tidak akan menarik minat pembaca. Pelajar warganegara asing juga memersetujui sebanyak 100% dan kategori yang paling banyak dipilih ialah langkah-langkah yang dihasilkan ialah berkesan.

Rumusannya, isi kandungan juga memainkan peranan penting dalam pembangunan modul. Susunan aktiviti yang terdapat dalam MBCB BMK perlu seiring dengan isi kandungan pelajaran dan menepati objektif pembelajaran. Hal ini kerana isi kandungan yang tidak tersusun boleh menyebabkan pengajaran dan pembelajaran yang tidak berkesan. Pakar bahasa, guru dan pelajar warganegara asing memberikan respon yang positif terhadap isi kandungan MBCB BMK. Justeru, MBCB BMK ini dapat dipastikan mempunyai kelancaran dan keberkesanan penyampaian suatu pembelajaran tersebut.

v. Perbincangan Kebolegunaan MBCB BMK dari segi Pendekatan Pedagogi Proses PdPc

Secara keseluruhannya penilaian pakar bahasa terhadap pendekatan pedagogi proses PdPc adalah sebanyak 100%. Kategori yang paling banyak dipilih oleh mereka ialah item dalam latihan mampu melatih kefahaman pelajar dalam konsep yang diuji. Hal ini juga dipersetujui oleh Cunningham (2009) dengan menyatakan bahawa guru perlu memahami perkaitan antara kandungan dengan pedagogi bagi memastikan pelaksanaan PdPc berjalan lancar dan berkesan.

Memandangkan pengetahuan tentang perkembangan pelajar dan bagaimana pelajar belajar penting untuk guru membentuk kemahiran pedagogi. Hal ini menunjukkan bahawa guru memainkan peranan yang sangat penting dalam pendekatan pedagogi proses PdPc. Para guru telah menilai sebanyak 100% dan kategori yang paling

banyak dipilih ialah item soal dalam latihan dapat mengukuhkan pengetahuan pelajar berkaitan isi kandungan pelajaran. Menurut Brodin dan Reinblad (2014), bagi memberangsangkan pembelajaran dan meningkatkan keinginan pelajar untuk belajar, pedagogi baru perlu dibangunkan. Hal ini menunjukkan bahawa MBCB BMK yang dibangunkan ini dipersetujui oleh guru dan dapat mengaitkan dengan pengetahuan yang unik.

Pelajar warganegara asing juga telah memersetujui sebanyak 100% dan pelajar warganegara asing memilih kategori yang sama seperti para guru, iaitu item soal dalam latihan dapat mengukuhkan pengetahuan pelajar berkaitan isi kandungan pelajaran. Dapatan ini berkait rapat dengan pendapat Juhazren et. al (2007) yang mengatakan bahawa pedagogi merupakan bimbingan secara paparan yang membantu pelajar berbincang dan menjadi perantara dalam proses PdPc.

Rumusannya, kaedah pengajaran berkait rapat dengan ilmu pedagogi. Pendekatan pedagogi juga berfungsi untuk menggantikan tugas guru dalam proses PdPc. Hal ini juga dipersetujui oleh pakar bahasa, guru dan pelajar warganegara asing semasa menilai MBCB BMK dan jika bahan-bahan tersebut tidak berasaskan prinsip pedagogi, maka bahan tersebut dianggap tidak mempunyai nilai yang tinggi. Hal ini menunjukkan MBCB BMK ini menepati aspek pedagogi dan sesuai untuk pelajar warganegara asing.

vi. Perbincangan Kebolegunaan MBCB BMK dari segi Hubungan dengan Teori Pembelajaran

Terdapat tiga teori yang perlu difahami oleh para guru atau penyelidik, iaitu teori pemprosesan maklumat, teori skema dan teori konstruktivisme (Chamot et al 1999). Teori pemprosesan maklumat ini menguji proses penghantaran maklumat dari mula sehingga maklumat itu di simpan di dalam memori jangka panjang. Teori skema pula berkaitan dengan pengetahuan pelajar dan keupayaan mereka semasa mengingati semula maklumat (Schwartz et al. 1998). Setiap individu mempunyai skema yang tersendiri mengenai pengalaman dan proses kognitif mereka dan dengan ini mereka boleh meramal, menggambarkan, menyimpulkan, mengawal kefahaman dan meringkaskan maklumat dalam

proses pembelajaran bagi memahami maklumat baharu.

Teori konstruktivisme ialah lebih kepada pengetahuan yang telah sedia akan bertindak balas secara interaktif dengan maklumat yang baharu diterima. Pengetahuan sedia ada pelajar yang digunakan akan dikaitkan dengan maklumat yang baharu. Bagi model pembelajaran sosial kognitif terdapat tiga teori yang telah diambil kita, iaitu teori sosial kognitif Bandura, teori pengaturan sendiri dan teori sosial kognitif Vygotsky. Teori sosial kognitif Bandura lebih menekankan motivasi. Pelajar yang berjaya melaksanakan tugas dianggap dapat membina perasaan efikasi sendiri kerana dipercayai mampu menjalankan tugas dengan baik.

Teori pembelajaran pengaturan sendiri melihat kepada proses pembelajaran secara lebih komprehensif. Menurut Schunk dan Zimmerman (1994), Zimmerman (1990), Zimmerman dan Schunk (1989), strategi kognitif, meta kognitif dan motivasi dapat membentuk proses pembelajaran yang lebih efektif dan teori yang terakhir sekali ialah teori pembelajaran sosial kognitif Vygotsky (1962, 1978) menjelaskan kematangan pelajar yang semakin berkembang apabila mahir melakukan tugas atau sesuatu perkara. Teori Vygotsky ini juga menjelaskan kepentingan SPB dalam pembelajaran yang dapat membantu pelajar menjadi lebih mahir, berdikari dan berautonomi.

Pakar bahasa telah memberi penilaian sebanyak 95.2% dan kategori yang paling banyak dipilih ialah objektif pembelajaran ada dinyatakan dengan jelas. Para guru pula telah memberi penilaian sebanyak 100% dan kebanyakannya memilih kategori objektif pembelajaran ada dinyatakan. Apabila kita lihat penilaian yang diberi oleh pelajar menunjukkan bahawa mereka setuju sebanyak 100% dengan memilih kategori latihan yang diberikan mampu mempertingkatkan lagi kefahaman konsep pelajar. Hal ini menunjukkan hubungan MBCB BMK dengan teori pembelajaran adalah menepati.

Rumusannya, proses PdPc akan dilaksanakan dengan berkesan dalam keadaan yang selaras dengan reka bentuk kognitif. Teori ini dapat membantu pelajar untuk menggunakan ingatan jangka pendek semasa proses PdPc. Hal ini menunjukkan bahawa MBCB BMK menepati dengan penggunaan reka bentuk kognitif bagi membantu pelajar warganegara asing untuk

menggunakan ingatan jangka pendek semasa menggunakan MBCB BMK seperti yang dipersetujui oleh pakar bahasa, guru dan juga para pelajar.

KESIMPULAN

Kajian dan perbincangan dapatan kajian telah dilakukan untuk menjelaskan lagi persoalan kajian dalam pembangunan MBCB BMK. Pembangunan MBCB BMK mengikut empat kemahiran berbahasa, iaitu mendengar, membaca, bertutur dan menulis dan untuk mereka bentuk MBCB BMK berdasarkan kemahiran berbahasa. Kajian ini telah berjaya membangun MBCB BMK kepada pelajar warganegara asing di universiti swasta.

Secara kesimpulan, analisis menunjukkan kesemua penilai bersetuju dengan memberi respon positif bagi kesemua item dalam penilaian ke atas kualiti MBCB BMK yang dibangunkan. Pada masa yang sama, pelajar warganegara asing juga memberi respon yang positif ke atas MBCB BMK. Kajian ini penting supaya pelajar dapat mencapai prestasi yang lebih tinggi dalam pembelajaran Bahasa Melayu Komunikasi. Hasil kajian ini dapat menyedarkan para guru dan pelajar tentang kepentingan MBCB BMK dalam mewujudkan pembelajaran yang efektif dan juga dapat meningkatkan pembelajaran secara aktif dalam kalangan pelajar.

RUJUKAN

- Abu Abu Zahari Abu Bakar. 1988. *Memahami psikologi pembelajaran*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ang Chai & Lee Lay. 2016. Instrumen penilaian kualiti untuk modul pengajaran: Pengujian ciri psikometrik. *Jurnal kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4 (4) Oktober.
- Asmah Omar. 2003. Pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing: Kaedah dan prinsip. Dlm. Atiah Hj. Mohd Salleh & Ramlah Muhamad (Pnyt.). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk penutur asing*, 1-16. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Awang Sariyan. 2006. Pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing: Matlamat dan pertimbangan strategi. *Jurnal Persatuan Linguistik*, 7: 1-15.

- Baharuddin Aris, Manimegalai Subramaniam, Rio Sumarni Shariffudin. 2002. Reka bentuk perisian multimedia. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Cohen, A.D. 1999. *Strategies in learning and using a second language*. London: Longman.
- Cunningham, C. A. 2009. Transforming schooling through technology: Twenty-first-century approaches to participatory learning. *Journal of Education and Culture*, 25 (2): 46-61.
- Dilah Tuah. 2005. Mengapakah Bahasa Melayu sukar dikuasai? *Dewan Bahasa*. April, 36-38.
- Fa'izah Abd. Manan, Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. 2009. Penyelidikan strategi pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar luar negara. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau*, 4: 259-268. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Frey & Fisher, 2008. *Teaching visual literacy*. New York: Corwin Press.
- Ibtisam & Zamri Ariffin. 2012. Pengajaran kemahiran mendengar Bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. Anjuran Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Indrawati Zahid. 2005. Menjiwai Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*. September, 13-15.
- Johari Hassan & Noor Asmalinda. 2011. Modul pembelajaran sendiri subjek *Information and Communication Technology* tingkatan 4. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1-9.
- Juriah Long, Raja Fauzi Raja Musa, Zarin Ismail & Hamidah Yamat @ Ahmad. 2001. Keperluan pendidikan Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta. *Jurnal Pendidikan*, 26: 21-36.
- Jyh Wee Sew. 2005. Evolusi dan evolusi semula bahasa. *Dewan Bahasa*. September, 17-21.
- Kalthum Ibrahim. 2003. Pengajaran Bahasa Melayu kepada penutur asing: Pengalaman Universiti Kebangsaan Malaysia. Dlm. Atiah Mohd Salleh & Ramlah Muhamad (Pnyt.) *Pengajaran Bahasa Melayu untuk penutur asing*, 17-26. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi. 2010. *Strategi pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Macaro, E. 2001. *Learning strategies in foreign and second language classrooms*. New York: Continuum.
- Maimunah Omar & Norizah Ardi. 2003. Pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing: Pengalaman Prancis dan Finland. Dlm. Atiah Mohd Salleh & Ramlah Muhamad (Pnyt.) *Pengajaran Bahasa Melayu untuk penutur asing*, 36-57. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Marshall, C.& Rossman, G.B. 1995. *Designing qualitative research*. 2nd Edition. California: SAGE Publication.
- Marzalina Mansor. 2005. Stail pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar luar negara. Disertasi Sarjana. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Azhari Abu Bakar, Siti Norazilah Mohd Said, Surena Sabil, Norhasniah Ibrahim, Aina Razlin Mohammad Roose, Edris Aden & Zulmahari Marawi. 2012, Jun 19-21. Pemantapan pengajaran dan pembelajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Kajian tinjauan persepsi pelajar. Kertas kerja dibentangkan di Regional Conference On Cross Cultural Communication and National Integration 2012 (RECCNI2012). Anjuran National Defence University of Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mohamed Amin Embi. 2000. *Language learning strategies: A Malaysia context*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Cetakan kelima. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd Sofian Abdul Latif & Saidah Ismail. 2009. Prosiding ILANNS. *Issues in Language Teaching and Learning*, 568-582.
- Morrison, G. R., Ross, S. M., Kempt, J. E. & Kalman, H. K. 2011. *Designing effective instruction*. New York: John, Wiley & Sons.
- Muijs, D. 2004. *Doing quantitative research in education with SPSS*. London: SAGE Publication.

- O'Malley, J. M. & Chamot, A. U. 1990. *Learning strategies in second language acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ong Eng Tek & Ahmad Nizam. 2009. Keberkesanan modul kartun dalam pengajaran dan pembelajaran Biologi tingkatan empat. *Jurnal Sains dan Matematik*, 77-86.
- Oxford, R. L. 2002. *Language learning strategies in a nutshell: Update and ESL suggestions*. In. J.C.Richards & W.A.Renandya (Eds.). *Methodology in language teaching*, 124-132. Cambridge: Cambridge University Press.
- Pogadev V.A. 2005. Motivasi pembelajaran bahasa asing. *Dewan Bahasa*. September, 25-29.
- Raminah Sabiran. 2005a. Program belajar bahasa kedua yang berkesan. *Dewan Bahasa*. Februari, 16-19.
- Raminah Sabiran. 2005b. Mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*. April, 22-25.
- Rashidah Rahmat. 2013. Pembangunan dan penilaian pakej pembelajaran mudah alih komsas dalam Bahasa Inggeris tingkatan empat. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohaidah Mashudi. 2005. Di mana ada kemahuan. *Dewan Bahasa*. April, 39-41.
- Schunk, D.H. 1994. Self-regulation of self-efficacy and attributions in academic settings. In. D.H. Schunk & B.J. Zimmerman (Eds.), *Self-regulation of learning and performance: Issues and educational applications*, 75-99. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Spradley, J.S. 1980. *Participant observation*. New York: Holt, Rinehart & Winston
- Stephen P. 2005. The jeffords switch and public support for divided government. *British Journal of Political Science*, 35: 343-356.
- Susilana, R. & Riyana, C. 2009. *Media pembelajaran*. Bandung: Wacana Prima.
- Wiersma, W. 2000. *Research methods in education: An introduction*. 7th Edition. Boston: Allyn & Bacon.
- Yahya Othman. 2005. Merancang pengajaran Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*. September, 44-47.
- Zamri Mahamod. 2015. *Strategi pembelajaran: Inventori cara belajar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Zimmerman, B.J. 1990. Self-regulated learning and academic achievement: An overview. *Educational Psychologist*, 25 (1): 3-17.